

# UMP, Keysight Technologies jalin kerjasama

14 JAN 2015 M/S 56 SETEMPAT

**Pekan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan syarikat Keysight Technologies Malaysia Sdn Bhd dalam usaha memperluaskan lagi bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik bertaraf antarabangsa.

Kerjasama itu memberikan lebih peluang kepada penuntut menimba kemahiran yang mampu meletakkan mereka pada kedudukan lebih baik di pasaran pekerjaan tempatan dan antarabangsa.

Naib Canselor UMP Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, imej UMP yang terkenal dalam bidang kejuruteraan akan lebih terserlah apabila mendapat sentuhan syarikat berpengalaman luas dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik.

Katanya, menerusi kerjasama strategik itu juga sebuah makmal turut dibangunkan yang akan memberikan peluang kepada penuntut melihat lebih dekat pelbagai rekaan dihasilkan syarikat terbabit.

"Saya berharap makmal yang ada akan menjadi peneraju kepada aktiviti penyelidikan berkaitan teknologi komunikasi tanpa wayar, modular, semikonduktor dan pe-



DR Daing Nasir (tiga dari kanan) melihat pameran di UMP kampus Pekan.

nyelesaian perisian.

"Kemudahan yang ada memberikan lebih peluang kepada penuntut dan pensyarah menghasilkan pelbagai inovasi berupaya meletakkan UMP pada landasan sebenar penubuhannya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Perasmian Makmal Ter maju Keysight Technologies dan syarahan umum Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di dewan UMP kampus Pekan, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Presiden Keysight Technologies Malaysia Sdn Bhd Anuar Au dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwai Pelajar dan Alumni UMP Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin.

Dr Daing Nasir berkata, perkembangan bidang teknologi global hari ini menuntut golongan akademik dan penyelidik untuk lebih aktif melakukan kajian yang mampu menghasilkan pelbagai produk berteknologi hijau.